


# **ANALISIS ESTETIKA OBJEK BUDAYA DALAM ADAT TINAUH MASYARAKAT MURUT TAHOL DI SAPULUT SABAH**

**MUHAMED FAUZI BIN HAJI ALWEE**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2019**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: **ANALISIS ESTETIKA OBJEK BUDAYA DALAM ADAT TINAUH MASYARAKAT MURUT TAHOL DI SAPULUT SABAH.**

IJAZAH: **IJAZAH SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)**

Saya **MUHAMED FAUZI BIN HAJI ALWEE**, Sesi Pengajian **2016-2019**, mengaku membenarkan tesis sarjana sastera ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / )

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

**MUHAMED FAUZI BIN HAJI AWEE**

MA1621070T

Tarikh: 22 OGOS 2019

Disahkan oleh,  
NORAZLYNN MOHD. JOHAN @ JENNY LYNE  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)


(Profesor Madya Dr. Humin Jusilin)  
Penyelia utama

( Prof Dr. Ismail Ibrahim)  
Penyelia bersama

## **PENGAKUAN**

Hasil penulisan karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang telah saya perjelaskan setiap satu sumbernya.

22 OGOS 2019



Muhammed Fauzi Bin Haji Alwee

MA1621070T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : MUHAMED FAUZI BIN HAJI ALWEE  
NO MATRIK : MA1621070T  
TAJUK : ANALISIS ESTETIKA OBJEK BUDAYA DALAM ADAT TINAUH MASYARAKAT MURUT TAHOL DI SAPULUT, SABAH  
IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA (SENI VISUAL)  
TARIKH VIVA : 22 OGOS 2019



DISAHKAN OLEH

UMS

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

### 1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr Humin Jusilin  
ASSOC. PROFESSOR DR. HUMIN B. JUSILIN  
Visual Arts Technology  
Faculty of Humanities, Arts & Heritage UMS

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Humin Jusilin". It is placed above a horizontal line.

### 2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Dr. Ismail Ibrahim

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ismail Ibrahim". It is placed above a large, empty oval shape, likely a placeholder for a stamp or official seal.

## PENGHARGAAN

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Pembuka bicara, meneroka minda, dipanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi di atas Qudrat dan Iradatnya. Alhamdulillah, bersyukur atas izin dan limpah kurnia-Nya, telah memberi kekuatan serta semangat juang untuk saya menyempurnakan pengajian ke tahap ijazah sarjana yang selama ini tertunda disebabkan beberapa kekangan. Berbekalkan sedikit ilmu telah menaikkan minat dan kecintaan yang mendalam untuk terus meneroka bidang seni ke tahap yang lebih tinggi.

Di kesempatan ini ingin saya merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Dr. Humin Jusilin selaku penyelia utama dan Prof. Dr. Ismail Ibrahim sebagai penyelia bersama yang telah banyak memberi bimbingan, perangsang dan tunjuk ajar yang berguna untuk dijadikan panduan dalam menghasilkan penulisan akademik ini hingga menjadi satu realiti. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah serta sahabat tercinta dari Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, pembantu penyelidik Cik Salbiah Binti Kindoyop dan Puan Mestrah Binti Lauk serta kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung yang telah memberikan pelbagai sumbangan dalam membantu menyempurnakan kajian saya ini.

Setinggi penghargaan turut diberikan kepada anak saya yang tersayang iaitu Diyana Najihah Binti Muhamed Fauzi yang menjadi tulang belakang yang senantiasa menyokong dan merupakan penyejuk hati untuk saya agar terus bersemangat mengharungi perit sebuah penghidupan. Kepada ayahanda bonda yang sangat saya cintai Haji Alwee Bin Haji Ismail dan Hajjah Hamidah Binti Taib semoga diberi kesihatan yang baik, diberkati umur dan sentiasa mendapat perlindungan dari Allah S.W.T. Terima kasih kerana membesarluaskan saya dan memberikan semangat untuk saya terus berada ke peringkat ini. Semua ini tidak mampu untuk saya balas di dunia ini. Namun, kejayaan ini berhak dimiliki oleh mereka berdua. Kerana tanpa mereka, siapalah saya. Sesungguhnya semua yang baik itu datang dari Allah S.W.T.

MUHAMED FAUZI BIN HAJI ALWEE  
22 Ogos 2019

## ABSTRAK

Penulisan tesis ini memperlihatkan satu penyelidikan tentang analisis estetika peralatan budaya dalam adat Tinauh yang diamalkan oleh masyarakat Murut Tahol di Sabah. Amalan budaya warisan ini mempunyai keunikan melalui reka bentuk dan motif peralatan budaya yang menampilkan keindahan yang amat menarik untuk diselidiki. Fokus penyelidikan adalah mengenal pasti pencirian adat dan kepercayaan, bahan dan peralatan budaya, serta menganalisa bahan dan peralatan budaya adat tinauh dalam konteks ciri estetika upacara tinauh masyarakat Murut Tahol. Dalam peralatan budaya adat *tinauh* dibahagikan kepada tiga, iaitu peralatan budaya dalam berian, peralatan budaya dalam hiasan pelamin dan peralatan budaya dalam pakaian tradisional pengantin. Ketiga-tiga jenis peralatan tersebut akan dianalisis berdasarkan ciri estetika iaitu teori Beardsley (1982) dan teori Vitruvius . Terdapat tiga tahap dalam pendekatan teori Beardsley iaitu kesatuan, kompleksiti dan juga intensiti atau makna manakala dalam teori Vitruvius mempunyai tiga tahap iaitu susunan,imbangan dan harmoni. Hasil daripada gabungan pendekatan kedua-dua teori tersebut maka wujudlah gabungan teori yang digunakan oleh pengkaji untuk mengkaji nilai estetika melalui ciri harmoni, ciri imbangan, ciri kesatuan dan ciri bermakna. Setiap ciri yang terdapat dalam reka bentuk dan motif peralatan tersebut telah diuraikan mengikut pandangan visual, iaitu unsur-unsur seni seperti garisan, jalinan, rupa, bentuk, ruang dan warna. Selain itu, objek budaya tersebut turut diuraikan mengikut ciri estetika yang digambarkan dalam kehidupan masyarakat Murut Tahol yang bersangkut paut dengan budaya hidup yang merangkumi adat resam dan kepercayaan nilai-nilai tradisi yang telah diwarisi. Kaedah yang digunakan adalah eksploratori penyelidikan dan menggunakan kaedah kerja lapangan melalui pemerhatian, temu bual dan catatan untuk mengumpul data dan maklumat penyelidikan. Secara kesimpulannya, penyelidikan ini menghasilkan satu analisis estetika dan kearifan tempatan Murut Tahol dalam amalan adat perkahwinan Tinauh berdasarkan objek budaya dalam berian, pelamin dan juga pakaian tradisional pengantin masyarakat Murut Tahol di Sapulut Sabah.

## **ABSTRACT**

### **AESTHETIC ANALYSIS OF CULTURAL EQUIPMENT IN TINAUH COSTUME BY MURUTTAHOL IN SABAH**

*The writing of this thesis presents a research on the aesthetic analysis of cultural equipment in Tinauh custom practiced by the Murut Tahol community in Sabah. This cultural heritage practice is uniquely shaped by the design and motif of cultural materialst that attracted this research to be carried out. The focus of the research is on identifying cultural identities and beliefs, cultural materials and equipment, as well as analyzing traditional cultural materials and equipment in the context of the aesthetic characteristics of the Murut Tahol community ritual. In the custom cultural equipment is further divided into three, the cultural materials in dowries, cultural material in bridal dais decorations and cultural materials in the brides' traditional attires. These three types of equipment will be analyzed based on the aesthetic characteristics of Beardsley (1982) and Vitruvius theory. There are three stages in the approach of Beardsley's theory of unity, complexity and even intensity or meaning while in Vitruvius theory there are three levels, namely, order, balance and harmony. As a result of the combination of the two theories, there is a combination of theories used by the researcher to study the aesthetic value through harmony, balance, unity and meaning. Each of the features included in the design and motif of the equipment has been described in terms of visuals, namely art elements such as harmony criterion, balance criterion, unity criterion and meaningful criterion. In addition, the cultural objects are also described in terms of aesthetics depicted in the life of the Murut people of Tahol, which are linked to living culture which includes the traditions and beliefs of the inherited traditions. The methods used are exploratory research and use field work methods through observations, interviews and notes to collect research data and information. In conclusion, this research produces an aesthetic analysis and local wisdom of Murut Tahol in the customary practice of Tinauh wedding based on the cultural materials in dowries, cultural material in bridal dais decorations and cultural materials in the brides' traditional attires of the Murut Tahol community in Sapulut Sabah.*

## SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI FOTO</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	
 <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif	9
1.5 Metodologi Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	15
1.7 Teoritikal Kajian	17
1.8 Limitasi Kajian	19
1.9 Lokasi Kajian	19
1.10 Penutup	21

## BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	22
2.2.	Pengertian Tentang Adat	23
2.3	Kepentingan Perlambangan dalam Adat Masyarakat Murut	25
2.3.1	Adat berian	26
2.3.2	Tradisional	28
2.3.3	Reka bentuk	28
2.3.4	Motif dan corak	29
2.3.5	Imej	30
2.3.6	Ragam hias	30
2.4	Masyarakat Murut	31
2.4.1	Latar belakang masyarakat Murut Tahol	33
2.4.2	Cerita mitos, lagenda dan kepercayaan tradisional Masyarakat Murut	35
2.4.3	Sistem sosioekonomi	36
2.4.4	Organisasi sosial	37
2.4.5	Adat perkahwinan	38
2.4.6	Pakaian tradisional Masyarakat Murut	39
2.5	Definisi Alat dan Peralatan	40
2.6	Teori Estetika	41
2.6.1	Teori estetika berdasarkan pandangan Islam	41
2.6.2	Teori estetika berdasarkan pandangan Barat	42
2.6.3	Teori estetika berdasarkan pandangan China dan India	43
2.6.4	Teori estetik secara umum	44
2.6.5	Teori estetik Monroe Beardsley	45
2.6.6	Teori estetik Vitruvius	47
2.7	Penutup	48

## BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	50
3.2	Kaedah Kajian	51

3.2.1	Aktiviti 1: Mengenal pasti lokasi penyelidikan	52
3.2.2	Aktiviti 2: Mengenal pasti informan	52
3.2.3	Aktiviti 3: Mengenal pasti soalan temu bual	54
	3.2.3.1 Soalan berstruktur	55
	3.2.3.2 Soalan tidak berstruktur	55
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	57
3.3.1	Pemerhatian	58
3.3.2	Temu bual	59
3.3.3	Dokumentasi	60
3.4	Kaedah Penulisan Data	60
3.4.1	Peringkat deskripsi	61
3.4.2	Peringkat interpretasi	61
3.4.3	Peringkat analisis	61
3.5	Kaedah Analisis Data Penyelidikan	62
3.5.1	Analisis estetika	62
3.5.2	Analisis estetika berdasarkan teori Beardsley dan Vitruvius	63
3.6	Hasil Kerja Lapangan	66
3.7	Penutup	67

## **BAB 4: ANALISIS ESTETIKA PERALATAN BUDAYA DALAM ADAT *TINAUH***

4.1	Pengenalan	68
4.2	Struktur Adat Perkahwinan Masyarakat Murut Tahol	68
4.2.1	<i>Pamalaan</i>	69
4.2.2	<i>Anamong</i>	69
4.2.3	<i>Amaruli Ra Vaya</i> dan <i>Angitor Ra Kaunsapan</i>	70
4.2.4	<i>Limpuhu Nu Barang</i>	70
4.2.5	<i>Vului</i>	71
4.2.6	<i>Tinauh</i>	71
4.3	Upacara Adat <i>Tinauh</i>	73
4.3.1	Persiapan upacara Adat <i>Tinauh</i> oleh <i>amahum</i> atau tuan rumah (keluarga pihak pengantin perempuan)	74

4.3.2	Persiapan upacara Adat <i>Tinauh</i> oleh <i>tambului</i> atau tetamu (keluarga pihak pengantin lelaki)	85
4.4	Pelaksanaan Upacara dalam Adat <i>Tinauh</i> Murut Tahol	95
4.4.1	Upacara <i>amiris ra tutuluk</i> (menetak bambu)	95
4.4.2	Upacara <i>amarawak</i> atau tolak bala	98
4.4.3	Upacara <i>angambot</i> atau <i>ambatin</i> (pemberian hadiah kepada pengantin dan jamuan makan minum)	100
4.4.4	Upacara <i>ansayaura sangiang</i> (tari menari di pelantar bambu)	102
4.4.5	Upacara <i>ansukav ra tapai</i>	104
4.4.6	Upacara <i>antalang</i>	109
4.4.7	Upacara <i>ahihinum</i> atau minum <i>tapai</i>	110
4.4.8	Upacara <i>antias ra usin</i>	111
4.5	Perlaksanaan Upacara Adat <i>Inasih</i> Murut Paluan	111
4.5.1	Adat <i>tutun</i>	114
4.5.2	Upacara <i>aki ra ruandu</i>	114
4.5.3	Upacara <i>tukar</i>	116
4.5.4	Upacara <i>tutuluk</i>	117
4.5.5	Upacara <i>ambatin</i>	119
4.5.6	Upacara <i>angsayau</i>	121
4.5.7	Upacara <i>karamiseh</i>	123
4.5.8	Upacara <i>angikiat</i>	127
4.6	Penutup	138

## BAB 5: ANALISIS ESTETIKA PERALATAN BUDAYA DALAM ADAT *TINAUH*

5.1	Pengenalan	
5.2	Analisis Peralatan Budaya dalam Upacara Adat <i>Tinauh</i>	139
5.3	Analisis peralatan budaya dalam adat berian	141
5.4	Analisis peralatan budaya dalam hiasan pelamin	155
5.5	Analisis peralatan budaya dalam hiasan pakaian	163
5.6	Penutup	173

## **BAB 6: KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1	Pendahuluan	174
6.2	Rumuan Memperihal Peralatan Budaya Yang Digunakan Dalam Upacara Adat <i>Tinauh</i>	175
6.3	Menganalisis Reka Bentuk dan Ragam Hias Peralatan Berdasarkan Ciri Estetika	177
6.4	Interpretasi Upacara Adat <i>Tinauh</i> dengan Adat <i>Inasih</i>	181
6.5	Penutup	183
6.6	Cadangan Kajian Lanjutan	186
<b>RUJUKAN</b>		188
<b>LAMPIRAN</b>		196



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI JADUAL**

## **HALAMAN**

Jadual 1.1:	Penduduk Sabah mengikut pecahan etnik pada banci 2010	2
Jadual 3.1:	Senarai kampong	51
Jadual 3.2:	Senarai informan/narasumber	53
Jadual 3.3:	Senarai jurubahasa/pengantara	54
Jadual 3.4:	Maklumat informan/narasumber	56
Jadual 3.5:	Indikator ciri estetika	65
Jadual 3.6:	Kategori peralatan budaya adat <i>Tinauh</i>	66
Jadual 4.1:	Carta alir rumusan struktur upacara adat <i>Tinauh</i> Murut Tahol Sapulut	72
Jadual 4.2:	Rumusan turutan pelaksanaan upacara <i>Tinauh</i> oleh <i>amahum</i> ( <i>tuan rumah/pihak pegantin perempuan</i> )	82
Jadual 4.3:	Rumusan turutan pelaksanaan upacara <i>Tinauh</i> oleh <i>tambului</i> ( <i>tetamu/pihak pengantin lelaki</i> )	91
Jadual 4.4:	Carta alir rumusan struktur upacara adat <i>Inasih</i> Murut Paluan Kampung Pementerian	128
Jadual 4.5:	Rumusan upacara yang mengandungi amalan ritual dan perlambangan kepercayaan pada adat dan peralatan dalam adat <i>Tinauh</i> Murut Tahol dan adat <i>Inasih</i> Murut Paluan	130
Jadual 4.6:	Perbandingan antara adat <i>Tinauh</i> masyarakat Murut Tahol dan adat <i>Inasih</i> masyarakat Murut Paluan	135
Jadual 4.7:	Rumusan perbezaan dan persamaan istilah acara adat antara adat <i>Tinauh</i> Murut Tahol dengan adat <i>Inasih</i> Murut Paluan	136
Jadual 5.1:	Pendekatan analisis ciri estetika peralatan budaya Adat <i>Tinauh</i>	140
Jadual 5.2:	<i>Sampa Nakalir</i>	142
Jadual 5.3:	Analisis estetika <i>sampa nakalir</i>	143
Jadual 5.4:	<i>Sampa Vahu</i>	144
Jadual 5.5:	Analisis estetika <i>sampa vahu</i>	145
Jadual 5.6:	<i>Ahuang Basi/ahuang tambaga</i>	155
Jadual 5.7:	Analisis estetika <i>ahuang basi/ahuang tambaga</i>	147

Jadual 5.8:	<i>Tapi dan Kinayuh</i>	148
Jadual 5.9:	Analisis estetika <i>tapi</i> dan <i>kinayuh</i>	149
Jadual 5.10:	<i>Bungkas</i> dan <i>sisitan</i>	150
Jadual 5.11:	Analisis estetika <i>bungkas</i> dan <i>sisitan</i>	150
Jadual 5.12:	<i>Buyuung</i> dan <i>sagging</i>	152
Jadual 5.13:	Analisis estetika <i>buyuung</i> dan <i>sagging</i>	153
Jadual 5.14:	<i>Tapan</i>	154
Jadual 5.15:	Analisis estetika <i>tapan</i>	154
Jadual 5.16:	<i>Sasagiyang</i>	156
Jadual 5.17:	Analisis estetika <i>sasagiyang</i>	157
Jadual 5.18:	<i>Ingkuhun</i>	158
Jadual 5.19:	Analisis estetika <i>ingkuhun</i>	158
Jadual 5.20:	<i>Imbu-Imbu</i>	160
Jadual 5.21:	Analisis estetika <i>imbu-imbu</i>	160
Jadual 5.22:	<i>Ingkun</i>	162
Jadual 5.23:	Analisis estetika <i>ingkun</i>	162
Jadual 5.24:	<i>Sampayau</i>	166
Jadual 5.25:	Analisis estetika <i>sampayau</i>	167
Jadual 5.26:	<i>Tapi</i>	168
Jadual 5.27:	Analisis estetika <i>tapi</i>	168
Jadual 5.28:	<i>Batik Lumayou</i>	170
Jadual 5.29:	Analisis estetika <i>batik lumayou</i>	170
Jadual 5.30:	<i>Sandaki</i>	171
Jadual 5.31:	Analisis estetika <i>sandaki</i>	172

## **SENARAI RAJAH**

## **HALAMAN**

Rajah 2.1:	Teori estetik Monroe Beardsley	46
Rajah 2.2:	Teori estetik Vitruvius	48
Rajah 3.1:	Ciri estetika	64
Rajah 4.1:	Carta alir dalam struktur adat perkahwinan masyarakat Murut Tahol di Sapulut	69
Rajah 5.1:	<i>Pinongkoloh</i> pakaian wanita Murut	165
Rajah 5.2:	Pakaian lelaki Murut	166



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI FOTO

## HALAMAN

Gambar 1: Peta Lokasi Kajian	20
Gambar 4.1: <i>Sagging/buyuung mawatik</i> yang disertakan dengan permintaan atau lulu sebagai tanda kepada <i>tivuku</i> sesuatu adat <i>tinauh</i>	75
Gambar 4.2: Bahan-bahan yang disediakan oleh tuan rumah dan <i>apar-apar</i>	78
Gambar 4.3: Makanan dan minuman yang dihidangkan oleh pihak tuan rumah kepada tetamu di meja <i>sangiang</i>	80
Gambar 4.4: Tajau dan tempayan pusaka serta gong merupakan barang hantaran wajib masyarakat Murut	87
Gambar 4.5: Keluarga pengantin yang memakai pakaian tradisional	88
Gambar 4.6: Upacara menetak bambu	96
Gambar 4.7: Parang panjang ( <i>hayang</i> )	97
Gambar 4.8: Ritual upacara penyembelihan ayam	99
Gambar 4.9: Upacara <i>angambot</i> (kelihatan pasangan yang diraikan bersama-sama dengan anak-anak mereka)	101
Gambar 4.10: <i>Sasagiyang</i> atau <i>sangiang</i> (pelantar bambu)	102
Gambar 4.11: <i>Sasangiyang/sangiang</i> atau pelamin dipagari dengan hiasan <i>ingkun</i>	103
Gambar 4.12: <i>Apar-apar</i>	105
Gambar 4.13: Tajau yang mengandungi air <i>tapai</i> dan <i>vovok</i>	107
Gambar 4.14: Hidangan makanan	109
Gambar 4.15: Perarakkan masuk pengantin	115
Gambar 4.16: Upacara menaiki <i>tukar</i>	116
Gambar 4.17: Pengantin di atas <i>sasangyang</i>	117
Gambar 4.18: Upacara <i>tutuluk</i>	119
Gambar 4.19: Upacara <i>ambatin</i>	120
Gambar 4.20: Upacara jamuan makan dan minum	121
Gambar 4.21: Upacara <i>ansayau</i>	122

Gambar 4.22: Barang yang sedia untuk ‘dijual’ oleh tuan punya petak dalam upacara <i>karamiseh</i>	124
Gambar 4.23: ‘Pembelian’ barang dalam upacara <i>karamiseh</i>	126
Gambar 4.24: Upacara <i>angikiat</i>	128



## SENARAI LAMPIRAN

	<b>HALAMAN</b>
<b>LAMPIRAN A</b> Informan	196
<b>LAMPIRAN B</b> Glosari	200
<b>LAMPIRAN C</b> Senarai Harga Peralatan Objek Budaya Masyarakat Murut	209



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik dan suku kaum sangat kaya dengan budaya dan kesenian serta khazanah penduduk asalnya. Setiap penghasilan peralatan budaya dengan menonjolkan etnik dan suku kaum yang berbeza dalam kehidupan tradisional mereka menambahkan keunikkan tersebut. Kelazimannya, peralatan budaya tersebut dapat dilihat sewaktu mereka mengadakan hari keramaian ataupun ketika upacara adat seperti perkahwinan serta sambutan pesta menuai. Kepelbagaiannya penduduk di Sabah menjadi satu fenomena yang berpengaruh dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Menurut Ismail Ibrahim (2002:2), penduduk peribumi Sabah terdiri daripada kumpulan etnik dan subkumpulan etnik seperti Dusun, Ida'an, Kwijau, Tatana, Lotud, Rungus, Sukang, Tengara, Kimaragang Garo, Tobilung, Kedayan, Dumpas, Minokok, Rumanau, Pingas, Mangkaak, Bundu, Makiang, Malapi, Sinapuru, Sinabu, Kolobuan, Pingas, Tidong, Sonsogon, Gonsomon, Tuhanan, Tutung, Liwan, Tolinting, Bonggi, Gana-Dusun, Paitan, Ligkabau, Ngabai, Tombonuo, Lobo, Murut, Tindal, Bisaya dan Orang Sungai.

Dari segi kefahaman antropologi, penduduk asal di Sabah dapat diklasifikasikan kepada tiga rumpun etnik berdasarkan pertalian bahasa iaitu Dusunik, Murutik dan Paitanik (Kntayya & Paul, 2012:9). Pembahagian ini juga disokong oleh P.S Shim (2007:18), iaitu rumpun Dusunik, Murutik dan Paitanik telah berhijrah ke Sabah sekitar 1200SM. Walau bagaimanapun, dalam proses bincian moden, pembahagian kepada kumpulan-kumpulan etnik yang lebih kecil juga dilaksanakan. Di Sabah, proses pengkategorian rasmi penduduk mengikut label etnik dilakukan pada zaman pentadbiran Barat oleh *British North Borneo Chartered Company (NBC)* pada tahun 1881-1946. Proses bincian pertama penduduk sehingga akhir zaman

penjajahan British iaitu pada tahun 1961, mendapati berlakunya perubahan dalam proses pengkategorian dan klasifikasi penduduk.

Mengikut data bancian penduduk Sabah terkini, kategori etnik dipecahkan kepada etnik Kadazan dan Dusun, Bajau, Melayu, Murut, Bumiputera dan Bumiputera lain (jadual 1.1). Dari segi populasi, etnik Murut iaitu fokus utama kajian ini didapati berada di tangga keempat berbanding dengan populasi Kadazan Dusun, Bajau dan Melayu. Ini adalah kerana bilangan mereka adalah jauh lebih besar daripada populasi kumpulan etnik kecil yang lain yang disenaraikan dalam kategori Bumiputera lainnya.

**Jadual 1.1: Penduduk Sabah mengikut pecahan etnik pada banci 2010**

Kategori Etnik	Bilangan
Kadazan dan Dusun	568,575
Bajau	450,279
Melayu	184,197
Murut	102,393
Bumiputera	1,965,309
Bumiputera lain	659,865
Jumlah warga Sabah	2,316,963

Sumber: Banci penduduk dan perumahan Malaysia, (2010:71)

Kumpulan masyarakat Murut di Sabah ini tidak seragam kerana mereka mengamalkan bahasa dan adat yang berbeza. Ini disebabkan faktor geografi sebagai penghalang dalam komunikasi bahasa mereka. Berlandaskan bahasa dan adat inilah yang mengklasifikasikan mereka kepada kumpulan-kumpulan kecil. Sekurang-kurangnya terdapat dua rumpun besar dalam masyarakat Murut. Pertama merupakan Murut dataran tanah rendah dan kedua ialah Murut dataran tanah tinggi.

Murut adalah kumpulan etnik yang mempunyai adat resam, kebudayaan dan amalan kepercayaan yang berbeza-beza. Kewujudan suku kaum Murut, menjadikan Sabah sebagai sebuah negeri unik yang masih menampilkan pelbagai ragam budaya. Ismail (2011) menyatakan bahawa unsur-unsur budaya yang diwarisi oleh masyarakat di Sabah menampilkan satu komitmen terhadap sistem adat yang menjadi landasan dalam kehidupan mereka. Lazimnya, kehidupan masyarakat tradisi

mempunyai hubungan yang erat dengan alam semesta yang secara tidak langsung telah menular dalam pembentukan sistem adat yang mereka amalkan. Keterikatan kepada sistem adat yang diwarisi telah menyumbang kepada satu ketentuan dalam amalan adat seperti adat *tinauh* dalam kalangan masyarakat Murut sehingga ke hari ini.

Perlaksanaan adat *tinauh* dalam seni budaya masyarakat Murut adalah sangat meriah kerana ianya dipenuhi dengan warna-warni. Seni budaya adat *tinauh* masyarakat Murut dapat dilihat dalam aplikasi peralatan budaya seperti seni rekaan pada pakaian tradisi, peralatan dan ragam hias sewaktu berian perkahwinan, hiasan pelamin, reka bentuk tajau dan pada alat permainan tradisi. Setiap peralatan budaya dalam adat *tinauh* yang mempunyai perkaitan dengan kehidupan masyarakat Murut diteliti dan didokumentasikan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji keseluruhan pelbagai objek dalam upacara adat *tinauh* dengan meneliti fungsi dan makna objek yang digunakan serta menganalisis hubungan dengan kehidupan dalam budaya masyarakat Murut. Penyelidik juga akan menjelaskan maksud tersurat dan tersirat objek budaya yang signifikan serta kaitannya dengan falsafah kehidupan masyarakat berkenaan.

Selain itu, penyelidik sekaligus membuat perkaitan mengenai upacara adat *tinauh* yang diamalkan oleh Murut Tahol di Mukim Sapulut, Nabawan dan adat *inasih* yang diamalkan oleh Murut Paluan di Kampung Pementerian, Nabawan. Konsep perkaitan ini dinilai dari segi jumlah berian, perjalanan acara majlis serta peralatan yang digunakan. Hasil kajian dijangka akan membuktikan bahawa adat *tinauh* dalam masyarakat Murut adalah satu adat yang unik dan wajar diwarisi, dikekalkan oleh generasi masa kini dan akan datang.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Upacara *tinauh* merupakan salah satu upacara *berian* akhir yang masih diperaktikkan oleh masyarakat Murut Tahol di Sapulut. Bayaran hantaran kahwin masyarakat Murut dikatakan antara yang paling tinggi di Sabah. *Pupulut* (hantaran perkahwinan) mereka meliputi tempayan pusaka, gong, kain, barang kemas dan wang tunai. Pada masa kini kerana mengikut perkembangan semasa, hantaran perkahwinan

adalah juga termasuk barang komersil seperti set televisyen, gergaji rantai, set mesin pertanian dan pertukangan serta alat pemain kaset dan CD (Jacqueline 2012:71). Setiap hantaran tersebut dibayar secara *bului* (ansuran) yang bermula selepas pertunangan dan berakhir dengan upacara *tinauh* (pembayaran hantaran terakhir) dilaksanakan.

Amalan adat *tinauh* adalah satu acara perkahwinan yang paling penting dalam adat Murut Tahol di Sabah. Hal ini kerana, adat *tinauh* merupakan kemuncak bagi penyerahan hantaran atau berian perkahwinan yang diminta oleh pihak perempuan. Menurut Lianah (2009)<sup>1</sup>, dalam adat perkahwinan masyarakat Murut Tahol, terdapat tiga acara adat dilangsungkan, iaitu adat *limpuhu* (pertunangan), adat *ahuot* (perkahwinan) dan adat *tinauh* (penghantaran berian terakhir). Fokus kajian ini adalah tertumpu pada masyarakat Murut Tahol yang tinggal di Mukim Sapulut, Daerah Nabawan, Sabah.

### **1.2.1 Murut Tahol**

Seperti juga rumpun Dusunik dan Paitanik, rumpun Murutik juga merupakan etnik peribumi Austronesia dengan leluhur dan telah tinggal di utara Borneo selama beribu-ribu tahun (Jacqueline 2012:25). Kebanyakkan tanggapan bahawa etnik Murut di Sabah hanya merupakan satu kumpulan etnik sahaja. Namun begitu terdapat kira-kira dua belas kumpulan utama Murut di Sabah yang masing-masing mempunyai bahasa dialek dan budaya yang berbeza. Kumpulan etnik Murut terdiri daripada Murut Tahol (Tagal/Tagol) atau Sumambu, Murut Timugon, Murut Paluan, Murut Bookan, Murut Gana, Murut Keningau, Murut Beaufort, Murut Kalabakan, Murut Okolod, Murut Selungai atau Salungai, Murut Sembakung atau Sambakung dan Murut Serundung atau Sarundung. Mengikut tradisi, komuniti Murut menetap di sepanjang sungai kawasan pendalaman Sabah dan kadangkala diberi nama mengikut anak sungai yang menjadi tempat tinggal mereka. Etnik Tahol pula dikenali sebagai Murut Tanah Tinggi kerana membina rumah panjang jauh di atas rabung curam di kawasan berbukit (Russell, 2006:126).

---

<sup>1</sup> Maklumat daripada <http://lianahsikana.blogspot.com/2009/07/adat-tinauh>

Murut Tahol merupakan masyarakat Murut yang terbesar di Sabah diikuti dengan Murut Timugon. Istilah Murut Tahol, Tagal, Tagol atau Sumambu merujuk kepada bahasa yang dituturkan di seluruh bahagian barat daya Sabah dan di utara Kalimantan. Bahasa ini terdiri daripada dua dialek dan tiga subdialek. Pada tahun 1990, Murut Tahol dianggarkan antara 20,000 hingga 30,000 (Harris, 1990:39). Pada masa ini, jumlah mereka dipercayai sudah melebihi 50,000 orang. Kelompok ini tertumpu di kawasan sungai yang dipisahkan oleh gunung yang tinggi dan curam yang sukar dilalui.

Istilah Tahol, Tagal atau Tagol adalah istilah yang digunakan oleh Murut Paluan dan Murut Timugon bagi membezakan identiti mereka yang berasal dari penempatan sungai Tagul (Ismail Ibrahim, 2011:8). Laporan tahun 1800-an menyatakan bahawa golongan ini telah pun membuat penempatan di sekitar Lembah Padas dan dikenali sebagai golongan pemburu kepala serta hidup secara nomad. Murut Tahol juga mempunyai bahasa dan budaya yang berbeza dengan Murut yang lain. Menurut catatan Harrisson (1967) dalam Ismail Ibrahim, (2011:9) menyatakan sewaktu pengembaraannya salah seorang pembantunya daripada suku kaum Kelabit boleh berkomunikasi secara jelas dengan Murut di Merapok dan Mangalong tetapi tidak boleh berkomunikasi langsung dengan Murut Tahol yang tinggal berhampiran.


Murut Tahol juga mendakwa diri mereka berasal dari kawasan sungai Tagal yang mereka sebut sebagai Tahol. Sistem sosioekonomi mereka berasaskan sistem pertanian pindah penanaman padi bukit yang dikerjakan setiap tahun. Setiap keluarga akan melakukan pembersihan tanah cerun bukit dengan menanam padi yang mencukupi bagi memenuhi keperluan makanan sehingga tahun berikutnya. Dari segi struktur sosialnya, Murut Tahol merupakan sebuah masyarakat tanpa kelas atau ketua keturunan dan pengaruh ketua adalah dinilai dari segi keperibadian dan kemahirannya. Kaum lelaki dan wanita memiliki hak yang sama rata dan hubungan kekeluargaan bersambung melalui ikatan perkahwinan.

Masyarakat ini kaya dengan adat dan pantang larang, mengamalkan kehidupan secara tradisi sehingga campur tangan *North Borneo Chartered Company* (*NBC*) pada tahun 1881. Campur tangan British dalam urusan kehidupan mereka termasuk pembahagian semula kawasan penempatan dianggap melanggar adat

resam yang diamalkan mereka sejak sekian lama. Campur tangan ini juga telah mencetuskan konflik dalam sistem sosiekonomi dan kepercayaan penduduk. Masyarakat Murut Tahol juga mengamal serta mengekalkan beberapa adat dan pantang larang seperti adat dalam upacara perkahwinan mereka. Justeru itulah, penyelidik memfokuskan kajian upacara *tinauh* berkaitan adat perkahwinan dalam masyarakat Murut Tahol di Sapulut, Daerah Nabawan, Sabah.

### **1.2.2 Asal usul nama Sapulut**

Terdapat beberapa versi cerita berhubung dengan asal nama Sapulut. Nama 'Sapulut' dikatakan berasal daripada perkataan *pulut nu valaan* membawa maksud getah pokok menjalar. Cerita pertama berkisar daripada sekumpulan Murut yang memasuki hutan untuk berburu. Semasa mereka berhenti rehat di dalam hutan, salah seorang daripada mereka telah memetik hujung pokok *valaan* dan ianya mengeluarkan titisan getah. Keadaan tersebut menimbulkan kehairanan kerana pokok menjalar jarang mengeluarkan getah yang banyak. Oleh itu apabila mereka melalui kawasan tersebut lagi untuk pergi berburu, mereka sering menyebut perkataan *sampotok pulut* bermaksud setitik getah. Akhirnya perkataan *sampotok pulut* menjadi Sapulut (Abd Hakim, 2017).



Versi kedua pula menceritakan kisah sekumpulan Murut yang mencari damar di sebuah kawasan hutan. Sementara mereka sedang asyik menoreh pokok damar untuk mendapatkan getah, tiba-tiba salah satu pokok tersebut telah memancutkan getahnya dengan banyak. Mereka sangat terkejut sambil berkata '*saluri pulut*' yang bermaksud 'tadah getah'. Sejak kejadian itu, perkataan *saluri pulut* telah digunakan sehingga menjadi perkataan Sapulut.

Versi seterusnya pula, berkisahkan tentang tujuh orang adik-beradik perempuan miskin. Oleh kerana ketika itu berlaku kemarau panjang, mereka bertujuh telah menggali tanah untuk mendapatkan air. Setelah puas berusaha menggali tanah, mereka tetap tidak menjumpai air. Hal ini berlarutan sehingga beberapa minggu, namun pada satu hari mereka telah menjumpai sebatang pokok menjalar yang bersaiz besar merintangi aliran lubang yang hendak digali. Kemudian mereka mula mencantasnya dan secara tiba-tiba getah pokok tersebut memancut tanpa henti dan